

27/06/1999

PM serikan majlis kahwin tiga beradik

ALOR STAR: Bagi tiga beradik, perkahwinan mereka di sini semalam pasti sukar dilupakan bukan saja kerana berkahwin serentak, malah majlis kenduri mereka dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tiga beradik berkenaan ialah Azmah Shah Abdul Aziz, 28, Azlan Shah, 27 dan Nur Ashraf, 21 tahun.

Azman Shah berkahwin dengan Maszita Ahmad, 25; Azlah Shah dengan Ruzita Azodin, 22; manakala Nur Ashraf berkahwin dengan Rahmat Jaafar, 28 tahun.

Dr Mahathir bersama-sama Dr Siti Hasmah diiringi anak mereka Mukhriz, Maizura serta Mazhar berada di majlis kenduri itu selama kira-kira satu jam.

Bapa tiga beradik berkenaan, Abdul Aziz Mohd Nordin dan isterinya Asma Abu Seman adalah kenalan rapat Dr Mahathir.

Mereka meninggal dunia dalam kemalangan raya, kira-kira 20 tahun lalu.

Sejak itu mereka tinggal bersama pakcik mereka. Tiga beradik itu kini bekerja di Kuala Lumpur.

Mereka mengadakan kenduri dengan menyewa rumah penginapan, Kubina Villa, di Jalan Langgar, di sini kerana masih mempunyai ramai saudara mara di Kedah.

Nur Ashraf berkata beliau serta kedua-dua abangnya bangga kerana Perdana Menteri sudi hadir di majlis perkahwinan mereka.

Menurutnya, beliau adik beradik menganggap Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah sebagai pakcik dan makcik mereka selepas kedua-dua ibu-bapa mereka meninggal dunia pada 1979.

(END)